

**STRATEGI DAKWAH KRISTIANISASI MUBALIGH DI BORNEO
UTARA TERHADAP PENDUDUK PERIBUMI, 1881-1963**
**CHRISTIAN MISSIONARY EVANGELISM STRATEGIES IN NORTH
BORNEO TOWARDS INDIGENOUS PEOPLE, 1881-1963**

JOHNNATAN JOLIUS

¹Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

Corresponding Author: johnnatan_jolius_ma23@iluv.ums.edu

Submission Date: 21 November 2024 \ Revision Date: 08 January 2025 \ Acceptance Date: 28 April 2025 \

Publication Date: 31 December 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/jurnalkinabalu.v31i1.7139>

ABSTRAK Artikel ini mengulas strategi dakwah Kristianisasi oleh mubaligh Kristian yang telah bertapak di Borneo Utara dari tahun 1881 hingga tahun 1963. Apabila mubaligh Kristian mengetahui bahawa Borneo Utara didiami penduduk peribumi yang masih pagan, mereka melihat bahawa keadaan penduduk peribumi di Borneo Utara perlu diubah melalui penyebaran agama Kristian. Penulisan ini menggunakan analisis sejarah dan menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis buku, jurnal, laporan kerajaan seperti *Colonial Office Report* dan sumber lisan daripada penduduk peribumi. Objektif penulisan ini adalah meninjau strategi dakwah Kristianisasi di Borneo Utara dari tahun 1881-1963. Kajian ini mendapati bahawa mubaligh Kristian menggunakan beberapa strategi untuk menyebarkan ajaran agama Kristian termasuklah meninjau kawasan misi, pelaksanaan sakramen pembaptisan dan mewujudkan institusi pendidikan. Pendidikan menjadi strategi ampuh dalam menyebarkan ajaran agama Kristian. Namun begitu, strategi minor seperti peninjauan kawasan misi dan sakramen pembaptisan turut memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Kristian. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi yang digunakan oleh mubaligh Kristian berjaya menarik minat masyarakat Kadazandusun dan Rungus untuk memeluk agama Kristian.

Kata Kunci: Strategi, Dakwah Kristianisasi, Mubaligh Kristian, Borneo Utara, Penduduk Peribumi

ABSTRACT: This article discusses the Christianization strategies employed by Christian missionaries in North Borneo from 1881 to 1963. Upon discovering that the indigenous people in North Borneo predominantly adhered to pagan beliefs, the missionaries recognized the need for transformation through the propagation of Christianity. This study adopts a qualitative historical analysis approach, utilizing primary and secondary sources such as books, journals, government reports (*Colonial Office Report*), and oral accounts from indigenous people. The main objective of the study is to examine the strategies used in the Christianization process in North Borneo during the specified period. The findings reveal that key strategies included mission area exploration, the administration of the sacrament of baptism, and the establishment of educational institutions. Education emerged as the most effective tool in attracting the interest of indigenous people to Christianity. However, minor strategies such as mission area exploration, and the sacrament of baptism also played significant roles in the Christianization strategies. Overall, the study demonstrates that the strategies employed successfully drew the Kadazandusun and Rungus community interest in embracing Christianity.

Keywords: *Strategy; Evangelism; Christian missionaries; North Borneo; Indigenous population*

PENGENALAN

Sebelum kedatangan mubaligh Kristian ke Borneo Utara (kini Sabah), majoriti penduduk peribumi tidak menganuti agama-agama besar seperti Islam atau Kristian khususnya penduduk Kadazandusun dan Rungus. Lazimnya mereka menetap di kawasan pantai barat Borneo Utara (Yusry & Bilcher, 2020:135). Walaupun penduduk Kadazandusun dan Rungus telah lama mendiami Borneo Utara, *Interpretation (Definition of Native) Ordinance* (Sabah Cap. 64) tidak menyebut secara jelas etnik-etnik di atas dalam definisinya. Istilah peribumi ini adalah merujuk kepada: a) seseorang yang kedua-dua ibu bapanya adalah atau pernah menjadi ahli daripada kaum pribumi Sabah; b) seseorang yang bermastautin di Sabah serta hidup sebagai ahli dalam komuniti pribumi, yang sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapa atau nenek moyangnya adalah atau pernah menjadi pribumi sebagaimana yang dimaksudkan dalam perenggan; c) seseorang yang bermastautin di Sabah, suku Suluk, Kagayan, Simonol, Sibutu atau Ubian atau daripada kaum peribumi Negeri Sarawak atau Brunei, telah hidup sebagai dan menjadi ahli dalam komuniti peribumi untuk tempoh berterusan selama tiga tahun sebelum tarikh tuntutan sebagai peribumi, mempunyai akhlak yang baik sepanjang tempoh tersebut dan tempoh tinggalnya di Sabah tidak dihadkan di bawah mana-mana peruntukan Akta Imigresen, 1959/63 [Akta 155]. Sarjana berpandangan bahawa tafsiran peribumi seperti disebut di atas adalah terlalu umum dan perlu lebih jelas seperti tafsiran peribumi atau *natives* di Sarawak (Shaari et.al, 2022).

Penduduk peribumi yang tidak menganuti agama Islam atau Kristian khususnya masyarakat Kadazandusun dan Rungus mengamalkan sistem kepercayaan animisme iaitu kepercayaan bahawa wujudnya roh atau semangat yang hadir di sekeliling mereka. Mereka percaya bahawa roh atau semangat tersebut mendiami kawasan hutan, kawasan sungai dan batu-batuan (Norsuhaila & Asmiaty, 2019: 97-108). Hal ini menunjukkan bahawa penduduk peribumi ini percaya kepada sesuatu yang bersifat *supernatural*. Selain itu, tahap kesihatan penduduk peribumi di Borneo Utara adalah pada tahap yang rendah. Penyakit seperti cirit-birit, malaria, demam kepialu kerap menyerang mereka. Keadaan penduduk peribumi khususnya Kadazandusun dan Rungus dikatakan semakin menggusarkan kerana gaya hidup yang tidak sihat diamalkan oleh mereka seperti minum sehingga mabuk (Lees, 2013:66). Mubaligh Kristian melihat perkara ini sebagai peluang bagi menyebarkan ajaran agama Kristian kepada penduduk peribumi yang masih pagan. Bagi memastikan agama Kristian diterima dengan baik, maka pelbagai strategi telah dirangka yang bersesuaian dengan selera dan cita rasa tempatan. Strategi tersebut diambil untuk memastikan kumpulan sasaran mengalami perubahan dan menganuti ajaran agama Kristian.

Walaupun mubaligh Kristian berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam pelaksanaan strategi dakwah kristianisasi di Borneo Utara, mereka dilihat tidak berputus asa. Hal ini menimbulkan persoalan penting: Apakah strategi yang digunakan oleh mubaligh Kristian untuk menyampaikan ajaran Kristian kepada penduduk peribumi di Borneo Utara? Kajian ini penting untuk memahami bagaimana agama Kristian mula berkembang di Borneo Utara dan bagaimana strategi mubaligh Kristian berjaya menarik minat masyarakat peribumi terhadap agama ini. Kajian ini bukan sahaja memberikan pandangan sejarah tentang proses Kristianisasi malah turut menyumbang kepada literatur akademik berkaitan penyebaran agama di Asia Tenggara, khususnya di kawasan yang menjadi tanah jajahan kuasa kolonial. Oleh itu, kajian ini bertujuan

untuk menganalisis strategi dakwah Kristianisasi oleh mubaligh Kristian di Borneo Utara dari tahun 1881 sehingga 1963.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian lepas yang menumpukan dakwah Kristianisasi oleh para mubaligh Kristian di beberapa buah negara yang menjadi rujukan bagi penulisan ini. Penulisan oleh sarjana lepas telah mengetengahkan bahawa pendidikan merupakan strategi berkesan dalam dakwah Kristianisasi. Mohan (2021) menekankan usaha mubaligh Kristian dalam menuangkan pendidikan dalam kalangan wanita di Andhradesa, India. Pendidikan dijadikan sebagai alat pemerkasaan golongan wanita di Andhradesa. Kerajaan kolonial tidak memberikan penekanan terhadap pendidikan wanita maka mubaligh Kristian mengambil pendekatan untuk memperkasa pendidikan di negara tersebut bagi mewujudkan kesedaran sosial dalam kalangan wanita dan masyarakat yang tertindas.

Sarjana lain turut berhujah tentang pendidikan sebagai alat pemerkasaan wanita. Sarah Paddle (2023) membincangkan tentang peranan mubaligh wanita seperti Amy Moore, mubaligh Australia dalam memperkasa pendidikan dalam kalangan wanita di China. Melalui strategi pendidikan yang dilakukan oleh Moore, beliau berjaya menjadikan wanita tahu membaca dan menulis bagi membolehkan China melahirkan pemimpin gereja wanita pada masa hadapan. Lankina dan Getachew (2013) dalam kajian mereka meneroka kesan jangka panjang aktiviti mubaligh Kristian Protestan di Kerala, India. Mubaligh Kristian membuka sekolah untuk semua kumpulan agama yang memberi impak jangka panjang terhadap pendidikan wanita pada era pasca kolonial. Kajian ini menunjukkan bahawa usaha mubaligh membantu mengurangkan jurang pendidikan antara lelaki dan wanita, menjadikan pendidikan lebih inklusif dan berkesan.

Olatunbosun (2013) dalam kajiannya menyatakan bahawa salah satu kesan jangka panjang aktiviti mubaligh adalah mengurangkan jurang pendidikan antara lelaki dan perempuan di Nigeria malah pendidikan mubaligh turut memberi impak kepada komuniti Muslim. Tambahan lagi, impak aktiviti mubaligh dikatakan lebih ketara dalam kalangan suku utara dan umat Islam berbanding suku selatan. Ternyata, beberapa kumpulan mubaligh banyak memberikan tumpuan kepada aspek pendidikan di kawasan misi. Olatunbosun (2013) dalam kajiannya menyatakan bahawa salah satu kesan jangka panjang aktiviti mubaligh adalah mengurangkan jurang pendidikan antara lelaki dan perempuan di Nigeria malah pendidikan mubaligh turut memberi impak kepada komuniti Muslim. Tambahan lagi, impak aktiviti mubaligh dikatakan lebih ketara dalam kalangan suku utara dan umat Islam berbanding suku selatan. Ternyata, beberapa kumpulan mubaligh banyak memberikan tumpuan kepada aspek pendidikan di kawasan misi.

Kajian-kajian lepas yang berfokuskan kepada beberapa negara luar di atas perlu diakui mempunyai konteks masa dan ruang yang berbeza dengan proses Kristianisasi di Borneo Utara. Namun begitu, wujud persamaan khususnya dari aspek strategi yang digunakan oleh mubaligh Kristian di negara tersebut termasuklah melalui pendidikan. Kajian sarjana di atas memberikan fokus kepada strategi pendidikan yang ampuh dalam usaha penyebaran agama Kristian manakala strategi-strategi lain seperti sakramen pembaptisan dan tinjauan kawasan misi tidak dibincangkan.

Beberapa kajian tempatan juga disorot untuk menulis kajian ini. Antara kajian yang telah disorot termasuklah kajian oleh Pugh-Kitingan dan On (2015) mengukuhkan bukti

bahawa kehadiran agama Kristian dalam kalangan masyarakat peribumi di Sabah telah membawa penolakan terhadap amalan dan kepercayaan tradisional dalam kegiatan pertanian setelah masyarakat tersebut menerima agama Kristian. Kajian tersebut menggariskan beberapa gereja yang telah membawa perubahan tersebut termasuklah *Seventh Day Adventist Mission*, gereja Roman Katolik, Basel dan Sidang Injil Borneo. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menjelaskan secara terperinci berkenaan strategi yang dimainkan oleh para mubaligh dalam mengikis amalan-amalan tradisional masyarakat peribumi khususnya semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British dan Koloni Mahkota British.

Seterusnya, kajian oleh Mat Zin (2003) menekankan tentang sejarah dan perkembangan gereja mazhab utama iaitu Roman Katolik, Anglikan, Sidang Injil Borneo dan *Protestant Church in Sabah* (PCS) serta strategi-strategi yang digunakan di dalam dakwah Kristianisasi sekitar tahun 1881 hingga 1994. Manakala kajian oleh Maureen dan Clinson (2020) memberi tumpuan kepada peranan PCS dalam penyebaran agama Kristian serta impaknya terhadap pendidikan dan kesihatan masyarakat Rungus. Penemuan utama menunjukkan bahawa PCS memainkan peranan signifikan dalam memperkenalkan pendidikan formal kepada masyarakat Rungus. Sebelum kedatangan mubaligh PCS, masyarakat ini kurang terdedah kepada pendidikan moden kerana faktor geografi dan sistem sosial tradisional yang berasaskan animisme. Suraya Sintang (2003) membincangkan tentang penganutan masyarakat Kadazandusun terhadap agama Islam dan Kristian serta faktor penerimaan agama Kristian berbanding agama Islam. Penulisan ini hanya berkisar terhadap faktor penerimaan agama Kristian dalam kalangan masyarakat Kadazandusun dan tidak menyentuh tentang strategi dan pendekatan dakwah Kristianisasi dengan lebih dekat.

Berdasarkan kepada sorotan ini, didapati bahawa penulisan lepas menekankan tentang strategi pendidikan yang memainkan peranan penting dalam dakwah Kristianisasi. Strategi minor seperti tinjauan kawasan misi dan sakramen baptisan pula sama sekali tidak disentuh di dalam penulisan mereka.

METODOLOGI

Kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan disiplin sejarah dengan menganalisis data secara kualitatif. Sumber-sumber yang digunakan merangkumi sumber primer seperti jurnal mubaligh Kristian yang telah dibukukan seperti Forshner dan dokumen kerajaan seperti *Colonial Office Report*. Tidak dilupakan juga sumber gereja seperti *Diocese of Sabah Silver Jubilee, 1962-1987* dan dokumenteri sejarah Gereja PCS 70 tahun oleh Gereja PCS Malaysia. Manakala sumber sekunder pula merangkumi buku, artikel jurnal dan internet (laman rasmi gereja). Dokumen-dokumen ini dianalisis secara sistematik untuk mendapatkan pemahaman dan membuat kesimpulan daripada dokumen (Oranga & Matere, 2023). Data juga diperolehi melalui temubual bersama dengan pemimpin gereja melalui telefon mudah alih untuk melakukan penilaian mendalam terhadap sesuatu topik. Temu bual mendalam adalah kaedah untuk mengumpul data tentang perspektif peribadi, sejarah, dan pengalaman individu, terutamanya semasa meneroka topik sensitif (Moser & Korstjens, 2018). Soalan-soalan yang diberikan kepada informan adalah bersifat terbuka.

DAPATAN

Tinjauan kawasan misi

Mubaligh Kristian melakukan tinjauan kawasan misi untuk melihat sendiri keadaan kawasan dan masyarakat sasaran mereka. Hal ini akan membantu mubaligh Kristian untuk mengenali masyarakat sasaran mereka dengan lebih dekat. *Borneo Evangelical Mission* (BEM) atau Sidang Injil Borneo (SIB) menghantar Hudson Southwell dan Staford Young ke Borneo Utara untuk mengesahkan laporan Reverend (Rev.) Joseph Clemens yang menyatakan bahawa penduduk Kadazandusun di sekitar kaki Gunung Kinabalu terbuka hati untuk mempelajari ajaran agama Kristian. Keterbukaan ini ditandai dengan kesudian mereka untuk mendengar perkongsian dakwah oleh mubaligh Kristian. Hasilnya, penduduk kadazandusun menerima agama Kristian, misalnya ketua Kampung (K.K) Rendegung iaitu K.K Sinit Gimbaran memeluk agama Kristian pada tahun 1937 (Sempuruh, 1999:32, Suraya, 2003:71). Mubaligh Mission Basel juga menggunakan pendekatan yang sama untuk meninjau keadaan masyarakat Rungus di sekitar kawasan Pinangsoo, Bak-Bak, Tamalang, Bandau dan Pitas. Proses tinjauan disertai dengan tindakan menyampaikan ajaran agama Kristian kepada ketua-ketua rumah panjang (Jadual 1). Tindakan ini dilakukan oleh Pastor Hanz Bienz dibantu oleh Wong Khiam Fuk sebagai penterjemah. Proses ini agak perlahan kerana Wong juga tidak fasih berbahasa Melayu. Menurut Pendeta Majimil, Tuorong iaitu ayahnya meminta supaya Bienz mencari mubaligh yang boleh berbahasa Melayu dalam tempoh tiga bulan supaya datang kembali untuk menyampaikan dakwah agar mereka lebih faham apa yang disampaikan oleh para mubaligh tersebut. Permintaan Tuorong tersebut menunjukkan bahawa adanya keterbukaan mereka mendengar ajaran Kristian (Dokumentari 70 tahun Gereja PCS, 2023). Selepas beberapa bulan, seorang mubaligh telah datang bersama keluarganya iaitu Pastor Honeggar untuk mengajarkan tentang agama Kristian.

Jadual 1: Senarai Ketua Rumah Panjang yang dilawati Pastor Hanz Bienz

No	Nama Orang Tua	Nama Kampung
1	O.T Kumpani	Kampung Rampai
2	O.T Lagan	Kampung Barambangon
3	O.T Ronsunan	Kampung Marbau
4	O.T Kositum	Kampung Popot
5	O.T Tuorong	Kampung Masangkung
6	Orang Kaya Togunan	Kampung Parapat
7	O.T Tombirog	Kampung Tinutudan
8	O.T Gudang	Kampung Kumbatang

Sumber: Peter Osingko Tenganau (2012)

Mubaligh SIB dan Basel dilihat menggunakan strategi ini untuk meninjau keadaan masyarakat peribumi di Borneo Utara. Mereka menggunakan proses peninjauan ini untuk melihat sendiri kehidupan masyarakat peribumi di sana. Pada masa yang sama, mereka mengambil peluang ini untuk menyampaikan ajaran agama Kristian kepada penduduk peribumi yang mereka temui semasa mereka melakukan peninjauan di kawasan misi. Namun begitu, penyebaran agama Kristian di Borneo Utara bukanlah mudah kerana mereka terpaksa melalui kawasan hutan untuk bertemu dengan masyarakat peribumi di kawasan misi. Tegasnya, strategi ini membantu mubaligh Kristian mendekati penduduk peribumi dan menambat hati mereka untuk memeluk agama Kristian serta menjalani sakramen pembaptisan.

Sakramen pembaptisan

Sakramen pembaptisan merupakan salah satu perkara yang penting dalam ajaran agama Kristian. Semasa para mubaligh Kristian menyebarkan ajaran agama Kristian di Borneo Utara, mereka menggunakan strategi membaptis penduduk peribumi yang sedia memeluk agama Kristian. Signifikannya strategi ini adalah untuk memastikan masyarakat peribumi tidak kembali kepada cara hidup yang lama termasuklah percaya kepada semangat yang tinggal dalam tumbuh-tumbuhan, sungai atau batu-batuan atau melakukan penyembelihan binatang sebagai tanda perdamaian. John Trevor White atau Asang daripada BEM telah melakukan beberapa siri pembaptisan di sekitar daerah Ranau. Pada tahun 1946, terdapat 12 orang penduduk kampung Nampasan telah dibaptis. Pada tahun yang sama, sakramen baptisan diminta oleh penduduk di Kampung Kepangian untuk dilakukan di sana kerana mereka telah bersedia untuk menerima ajaran Kristian. Pada 11 Februari 1947, Asang berada di Kampung Gana-Gana atas tujuan membaptis penduduk di kampung itu. Kemudian pada tahun 1950, satu lagi sakramen baptisan air telah dilaksanakan di Kampung Liwagu. Antara yang dibaptis termasuklah Gindol, Belingkau, Lanag, Kuntobon dan Gopog berserta isteri masing-masing.

Mubaligh Kristian lain seperti Pastor Honegger turut menjalankan sakramen ini dalam kalangan masyarakat Rungus. Pada 23 Disember 1953, Honegger membaptis sebuah keluarga di Kampung Masangkung yang terletak di Sikuati, Kudat. Antara yang dibaptis termasuklah Tuorong, Setia (isteri Tuorong) dan Majimil (anak lelaki Tuorong) dan Sinundihi (menantu Tuorong) serta cucu-cucunya iaitu Nupia dan Masiun. Pada tahun yang sama, pembaptisan dilakukan di sebuah gereja yang terletak di antara Perkampungan Lodung dan Pilang (Forscner, 1993:36). Mubaligh daripada gereja Katolik juga melaksanakan sakramen yang sama kepada mereka yang bersedia menerima agama Kristian. Pada tahun 1887, Father (Fr.) Prenger telah mengajarkan agama Kristian di kawasan perkampungan Kadazandusun yang terletak di Inobong.

Beliau mendapati bahawa segelintir masyarakat di kampung tersebut tertarik untuk mengetahui dan mendalami ajaran agama Kristian (Laman Rasmi St. Michael Penampang Parish, History of St. Michael's Parish Penampang). Hasil daripada usahanya menyebarkan ajaran agama Kristian di kampung tersebut, maka pada sambutan perayaan Paskah iaitu 10 April 1887, empat orang lelaki telah dibaptis. Pada Mei 1887, seorang lagi telah dibaptis oleh Prenger dan 14 orang lagi dibaptis pada 25 Disember 1887 (Jadual 2). Hal ini memperlihatkan keberkesanan dakwah Kristianisasi dalam kalangan penduduk peribumi di Borneo Utara. Keadaan ini mendorong mubaligh Kristian untuk menajamkan lagi pengetahuan penduduk peribumi yang telah memeluk agama Kristian melalui pendidikan teologi dan pendidikan umum.

Jadual 2: Senarai Nama Individu Dibaptis di Stesen Misi Inobong

Tarikh	Nama
10 April 1887	Petrus Moliping, Paulus Satabar, Michael Mohujang & John Tan Kan San
29 Mei 1887	Aloysius Fo Tan
25 Disember 1887	Thomas Bersalik, Anna Sabahan, Agatha Demail, Joannes Tan Kan San, Marcus Labanta, Lucas Damahar, Francis Menjahom, Theodore Malajam, Andreas Sungkipeng, Gabriel Matajak, Augustine Mensala, Maria Dusioy, Cecilia Dingihon & Ludwig Masankim

Sumber: Diubahsuai daripada Laman Rasmi St. Michael Parish Penampang (2024)

Pendidikan Sekolah Mubaligh (*Mission School*)

Mubaligh Kristian di Borneo Utara juga mengambil kesempatan untuk mewujudkan sekolah-sekolah mubaligh bagi tujuan pendidikan. Mubaligh Kristian menyedari bahawa pendidikan melalui sekolah mubaligh merupakan mekanisme yang berkesan untuk menyebarkan ajaran Kristian (Hunt, 1992: 325). Pertumbuhan sekolah mubaligh di Borneo Utara dipacu oleh dasar pemerintah untuk memberikan bantuan geran kepada mubaligh Kristian.

Colonial Office Report 1950 menunjukkan bahawa sekolah-sekolah di bawah seliaan mubaligh Mill Hills adalah sekolah yang terbanyak menerima bantuan geran iaitu sebanyak 27 sekolah, Anglikan dan Basel masing-masing enam buah sekolah (Colonial Office Report 1950) (Jadual 3). Hal ini memperlihatkan bahawa keterlibatan kerajaan atau pemerintah juga mempengaruhi perkembangan pertumbuhan sekolah mubaligh.

Jadual 3: Jumlah Sekolah Mubaligh dengan bantuan dan tanpa bantuan tahun 1950

Kumpulan Mubaligh	Sekolah dengan bantuan	Sekolah Tanpa Bantuan	Jumlah Pendaftaran Pelajar
S.P.G (Anglikan)	6	1	1036
M.H.M (Katolik)	27	9	4792
Basel	6	7	1079
S.D.A	-	3	112
	39	20	7019

Sumber: Diubahsuai daripada Colonial Office Report (1950)

Sekolah mubaligh yang pertama ditubuhkan adalah pada 24 Julai 1883 iaitu Sekolah Saint (St.) Mary. Sekolah ini telah dibuka oleh Monsignor T. Jackson bersama Fr. Prenger. Pada awal pembukaan sekolah ini hanya lima orang sahaja pelajar yang bersekolah di sekolah ini (Perkara 4(ii) Ordinance No.4 1932, NBCA 316). Sekolah mubaligh Anglikan iaitu St. Michael telah ditubuhkan pada 5 Oktober 1888 oleh Rev. William Henry Elton yang merupakan paderi Anglikan pertama Sandakan. Pada awal penubuhan sekolah ini, hanya seorang murid sahaja yang berdaftar dengan sekolah ini namun jumlah pelajar bertambah kepada enam orang selepas tiga bulan pembukaannya (Diocese of Sabah, 1987).

Satu perkara yang perlu diberi tumpuan adalah, penggunaan bahasa Kadazandusun oleh sekolah mubaligh Katolik, Anglikan, Basel dan SDA dalam menarik penduduk peribumi untuk datang belajar ke sekolah mubaligh sekaligus menyebarkan ajaran agama Kristian dalam kalangan penduduk tempatan (Mohd Nor, 1978; 12). Hal ini memperlihatkan usaha mubaligh Kristian untuk menarik hati dan menyesuaikan strategi mereka dengan cita rasa tempatan. Namun begitu, bahasa Inggeris tetap menjadi bahasa pengantar dalam sekolah mubaligh selaras dengan dasar kerajaan pada ketika itu (Clinson & Maureen, 2020:97). Mubaligh Kristian tidak hanya menyampaikan ajaran Kristian melalui sekolah mubaligh tetapi turut mengembangkan ajaran ini melalui pembinaan dan pendidikan sekolah teologi.

Sekolah teologi

Pendidikan teologi adalah salah satu strategi yang ampuh untuk memperkasa penyebaran agama Kristian di Borneo Utara. Mubaligh Kristian menggunakan pendekatan ini untuk melatih penganut Kristian dalam kalangan penduduk tempatan sebagai usaha mempersiapkan mereka menyampaikan ajaran agama Kristian kepada penduduk yang belum menganuti agama Kristian. Beberapa sekolah teologi telah ditubuhkan sebagai langkah memperkasa dakwah

Kristianisasi di Borneo Utara. Gereja Anglikan dan Misi Basel telah mewujudkan Sekolah Latihan Biasa (Lay Training School) (Yong, 1987:123-126). Misi Basel telah membuka sekolah ini di Sikuati pada tahun 1955 untuk melatih mubaligh tempatan mengendalikan aktiviti keagamaan pada hari Ahad. Gereja Anglikan pula menggunakan gereja St. Patrick Tawau bagi melaksanakan sekolah latihan ini untuk melatih penganut Kristian mempelajari *Bible*. Tambahan lagi, perkara ini dilakukan untuk melatih mubaligh melakukan dakwah di luar bandar dan kawasan bandar.

Bagi gereja *Protestant Church in Sabah* (PCS), pada awalnya, pendidikan teologi hanyalah bersifat minor iaitu kursus asas membaca *Bible* kepada masyarakat Rungus. Melihat kepada sambutan yang memberangsangkan oleh masyarakat Rungus, maka Rev. Honegger dan Rev. Hausermann telah membangunkan sekolah latihan pada tahun 1957 (Forshner, 1993:59) Sebelum ini pembelajaran *Bible* dan sambutan terhadap agama Kristian tidak diterima oleh segelintir masyarakat Rungus. Menurut Clarence Mogundal (ditemubual pada 10 Disember 2024), pada awalnya agama Kristian sukar diterima kerana dikhuatiri akan menyebabkan mereka kehilangan “kepandaian” dalam ilmu seperti *sindaat* dan ilmu kebal. Namun, keberkesanan strategi lepas, menyebabkan masyarakat Rungus memilih untuk menganuti agama Kristian dan memasuki sekolah teologi. Sekolah teologi yang pertama oleh PCS ditubuhkan pada tahun 1976 di Bavangazo, Kudat (Mat Zin, 2003: 150). Jelaslah bahawa, pendidikan teologi yang disediakan oleh mubaligh dan gereja adalah untuk memastikan mubaligh tempatan diperkasa bagi tujuan melaksanakan dakwah Kristianisasi dalam kalangan penduduk peribumi yang belum mengenal agama Kristian.

Sinkretisme dalam Dakwah Kristianisasi

Terma sinkrestisme merujuk kepada pengadunan atau percampuran antara dua bentuk yang berbeza. Singgih berpandangan bahawa sinkretisme merupakan suatu usaha menyatukan pandangan-pandangan atau kepercayaan yang saling bertentangan (Singgih, 2000). Namun, istilah atau terma ini selalunya membawa konotasi yang negatif dalam kalangan para mubaligh atau agamawan Kristian yang lain. Hal ini bertitik tolak daripada keadaan yang berlaku pada abad ke-17 iaitu tindakan Georg Calixt ingin menyatukan aliran atau mazhab Kristian yang merangkumi gereja Katolik, Lutheran dan Ortodoks setelah berperang sesama sendiri hampir 30 tahun. Usaha ini dianggap oleh kumpulan Lutheran ortodoks sebagai sinkretis (Supradnyana, 2018). Hari ini, istilah ini digunakan untuk merujuk kepada penggabungan atau penyatuan antara agama dan pratik tradisional sehingga menciptakan sesuatu yang baharu.

Sinkristisme dan kontekstualisasi sememangnya elemen yang berhubungan dengan proses penyebaran agama Kristian yang telah dijalankan ke atas masyarakat peribumi di Borneo Utara. Contoh yang jelas adalah seperti penterjemahan *Bible* kepada bahasa masyarakat peribumi untuk menyampaikan ajaran agama Kristian. Para mubaligh menggunakan istilah yang sering digunakan oleh masyarakat peribumi misalnya kata *Kinorohingan*. Sebelum kehadiran agama Kristian, istilah *Kinorohingan* digunakan untuk merujuk Tuhan yang menciptakan segala ciptaan yang ada di muka bumi ini. Setelah agama Kristian hadir di Borneo Utara istilah yang sama digunakan oleh para mubaligh Kristian untuk merujuk *Jesus* atau Yesus agar lebih dekat dengan masyarakat peribumi.

Sinkretisme dalam penyebaran agama Kristian di Borneo Utara juga dapat dilihat melalui pendekatan mubaligh menggunakan elemen tradisi dan menggabungkannya dengan upacara keagamaan Kristian. Hal ini merupakan suatu kebijakan yang ditunjukkan oleh para mubaligh untuk memastikan masyarakat peribumi tidak kekok dengan ajaran agama Kristian.

Sebagai contoh, selepas pesta menuai dilakukan, masyarakat Kadazandusun akan melakukan suatu acara yang dinamakan sebagai *Moginakan*. Menurut mendiang Bobolian Aki Petrus Sator Gadut, *moginakan* diambil daripada dua perkataan bahasa Kadazandusun, iaitu *moginum* (minum) dan *mangkan* (makan). Secara ringkasnya, *moginakan* dapat dimaksudkan sebagai pesta makan (Portal Rasmi Kadazandusun Cultural Association). Semasa pesta ini, masyarakat Kadazandusun akan menyediakan makanan dari rumah masing-masing dan membawa ke pesta untuk dinikmati bersama. Para mubaligh melakukan penyesuaian antara elemen tradisi dan ajaran agama Kristian dalam usaha mendekati masyarakat peribumi. Hal ini dapat dilihat semasa dalam acara pengucapan syukur, perayaan Paskah dan perayaan Natal di gereja di mana ahli gereja yang terdiri daripada masyarakat membawa makanan dari rumah dan dimakan secara bersama selepas ibadah atau acara gereja berakhir.

Mubaligh Kristian juga mendekati masyarakat peribumi menggunakan muzik. Muzik atau lagu kerohanian Kristian dibawa masuk ke kawasan misi dan diperdengarkan kepada kumpulan sasaran mereka. Para mubaligh menyedari bahawa masyarakat peribumi sangat suka menyanyi dalam pesta-pesta. Oleh itu, mubaligh Kristian mengambil kesempatan ini untuk mengajarkan lagu-lagu berunsurkan kerohanian. Namun, lagu-lagu ini diolah kepada bahasa ibunda dan disesuaikan dengan muzik tempatan. Hal ini menunjukkan sebuah sinkretisme di mana lagu kerohanian agama Kristian digabungkan dengan melodi muzik tempatan agar dapat diterima oleh masyarakat peribumi. Sebagai contoh, mubaligh BEM atau SIB mengajar lagu kerohanian Kristian iaitu *Hymn* kepada masyarakat Kadazandusun di Taginambur. Mubaligh yang terlibat adalah Nell Young@Seminah. Menurut Missah (ditemubual pada 29 Oktober 2024), Seminah mengajar masyarakat peribumi di Taginambur menyanyikan *Hymn*. Pada asalnya, *Hymn* dinyanyikan dalam bahasa Inggeris, namun Seminah mengajarkan lagu kerohanian tersebut dalam bahasa Kadazandusun dan disesuaikan dengan selera tempatan agar masyarakat tertarik dan memahami ajaran Kristian melalui lagu tersebut.



Rajah 1: Seminah Young (Nell Young)

Sumber: Elliot (1997)

Boleh dikatakan bahawa ajaran-ajaran Kristian yang terkandung di dalam *Bible* seperti ajaran tentang kasih atau sayang menyayangi dan kesatuan telah disesuaikan dengan konteks masyarakat peribumi di Borneo Utara. Para mubaligh mengetahui bahawa masyarakat peribumi Kadazandusun dan Rungus menjunjung tinggi nilai kesatuan atau *misompuru* dalam masyarakat mereka. Maka dengan itu, mubaligh Kristian mengintegrasikan nilai tersebut dengan konsep kasih Yesus dan kesatuan gereja di dalam ajaran agama Kristian. Hal ini mendorong masyarakat peribumi melihat bahawa ajaran Kristian sangat dekat dengan mereka dan mudah untuk dilakukan.

Faktor pemelukan agama Kristian

Penerimaan agama Kristian oleh masyarakat Kadazandusun dan Rungus didorong oleh beberapa faktor. Pertama adalah disebabkan oleh sifat keterbukaan masyarakat tersebut. Ekoran sifat ini, maka mereka cenderung untuk berasimilasi dengan dunia pengaruh luar (Suraya, 2003:66). Oleh itu, mereka mudah untuk menerima agama lain seperti Kristian mahupun Islam. Seterusnya, pengaruh kuat ketua rumah panjang atau ketua kampung juga mendorong pemelukan agama Kristian. Ketua kampung bukan sahaja berperanan dalam aspek pentadbiran dan sosial, tetapi juga menentukan hala tuju kepercayaan dan budaya masyarakat setempat. Misalnya, O.T Tuorang sebagai ketua rumah panjang telah memeluk agama Kristian kemudian diikuti oleh anaknya iaitu Majimil serta ahli keluarga yang lain (Dokumentari 70 tahun Gereja PCS, 2023).

Agama Kristian juga dianuti ekoran perasaan takut terhadap gangguan kuasa ghaib atau roh di sekeliling mereka. Semasa Pendeta Asang berada di daerah Ranau, beliau melihat penduduk Kadazandusun masih mempunyai perasaan takut kepada roh, semangat dan makhluk ghaib. Sebagai contoh, Kentuni merupakan antara penduduk Kadazandusun di Ranau yang memeluk agama Kristian akibat sering mengalami mimpi buruk pada waktu malam (Hwee, 2013: 80). Begitu juga dengan masyarakat Rungus, mereka juga memilih untuk memeluk agama Kristian apabila satu demi satu keluarga mereka meninggalkan kepercayaan terhadap roh mahupun makhluk ghaib. Menurut Clarence Mogudal (ditemubual pada 10 Disember 2024):

“apabila ada dalam kalangan keluarga mahupun rakan yang sudah menyerah diri kepada Tuhan dan mereka lihat semakin baik kehidupan yang sudah menerima Injil, satu persatu diantara mereka tinggalkan kepercayaan lama dan ada diantara mereka sendiri suruh bakar itu zimat dan mulai mengikuti perkumpulan orang baru menerima Injil”.

Hal ini memperlihatkan bahawa perasaan takut kepada kuasa ghaib dan melihat kehidupan rakan atau keluarga mereka semakin baik setelah mengikuti agama Kristian mendorong mereka untuk memeluk agama Kristian. Tambahan lagi, mubaligh Kristian yang hadir di Borneo utara hadir dengan daya tarik dari aspek pendidikan dan kemahiran. Dari aspek pendidikan, sekolah-sekolah mubaligh disediakan bagi memberikan asas membaca, menulis dan mengira. Mubaligh Kristian terlebih dahulu menyediakan perkhidmatan berbanding pihak SBUB. Antara sekolah yang ditubuhkan oleh mubaligh Kristian termasuklah St. Mary yang ditubuhkan pada 24 Julai 1883 dan sekolah menengah *Sacred Heart* atau lebih dikenali sebagai La Salle pada tahun 1958.

Dari aspek kemahiran, mubaligh Kristian memberikan tunjuk ajar dalam pertukangan kayu moden. Misalnya mubaligh SIB atau BEM telah mengajar Keradi (penduduk tempatan di Ranau) untuk mengendalikan kilang kayu bagi memastikan kerja-kerja kayu dapat dijalankan dengan lebih cepat. Tambahan lagi, kilang kayu ini menggunakan teknologi atau mesin kayu (Izham Waidi, 2015). Hal ini telah membawa masyarakat Kadazadusun mengenali teknologi moden. Maka berlakulah perubahan dari penggunaan teknologi tradisional kepada teknologi moden khususnya dalam pembangunan rumah dan gereja.

PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis strategi dakwah Kristianisasi yang digunakan oleh mubaligh Kristian di Borneo Utara dari tahun 1881 hingga 1963. Pendek kata, penulisan ini membahaskan tentang pendekatan mubaligh dalam mengubah penduduk peribumi yang pada awalnya mengamalkan kepercayaan animisme kepada masyarakat peribumi yang menganuti agama Kristian. Kajian ini penting kerana memberikan pengetahuan mendalam mengenai dakwah Kristianisasi mubaligh Kristian terhadap penduduk peribumi Borneo Utara. Sumbangan utamanya adalah pengungkapan bagaimana strategi pendidikan, sakramen pembaptisan, dan peninjauan kawasan misi digunakan untuk menarik minat penduduk peribumi terhadap agama Kristian

Pelaksanaan sakramen pembaptisan secara berterusan membantu memperkukuhkan kepercayaan masyarakat peribumi kepada agama Kristian dan menghalang mereka daripada kembali ke kepercayaan lama. Penyelidik menegaskan bahawa pelaksanaan sakramen baptisan ini bukanlah paksaan tetapi bersifat sukarela. Sakramen ini tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa semata-mata ingin meningkatkan jumlah penganut Kristian (Steven, 2023). Tambahan lagi, penubuhan sekolah mubaligh dan sekolah teologi terbukti sebagai strategi paling berkesan dalam penyebaran agama Kristian. Hal ini membolehkan masyarakat peribumi menerima pendidikan yang bukan sahaja bersifat umum tetapi juga teologi, memperkasakan mereka untuk menjadi pemimpin gereja tempatan.

Dalam kajian ini, salah satu penemuan yang tidak dijangka adalah strategi minor seperti tinjauan kawasan misi dan sakramen pembaptisan yang turut menyumbang kepada kejayaan penyebaran agama Kristian di Borneo Utara. Walaupun pendidikan dikenal pasti sebagai strategi utama, kehadiran dan interaksi langsung para mubaligh dengan masyarakat peribumi memainkan peranan penting dalam memperkenalkan dan membina kepercayaan terhadap agama Kristian. Penemuan ini mencadangkan bahawa strategi langsung yang mungkin dilihat sebagai kurang penting, boleh memberi kesan besar dalam konteks tertentu. Batasan utama kajian ini adalah kebergantungan kepada sumber sekunder dan keterbatasan dalam mendapatkan maklumat langsung daripada masyarakat peribumi di kawasan pedalaman. Hal ini boleh mempengaruhi kesahan dalaman, kerana data mungkin tidak sepenuhnya mewakili pengalaman semua pihak yang terlibat. Kesahan luaran juga terhad, kerana hasil kajian ini mungkin tidak dapat digeneralisasikan kepada konteks lain tanpa mengambil kira faktor tempatan yang spesifik.

Pada masa depan, penyelidikan berkaitan pengaruh agama Kristian terhadap perubahan budaya dan sosial dalam jangka panjang di kalangan masyarakat peribumi boleh dilakukan bagi memperluas cakupan kajian berkaitan dakwah Kristianisasi. Penyelidikan juga boleh menumpukan kepada perbandingan antara strategi mubaligh Kristian di Borneo Utara dengan wilayah lain untuk memahami bagaimana konteks geografi dan budaya mempengaruhi pendekatan mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menelusuri strategi dakwah Kristianisasi yang diterapkan oleh mubaligh Kristian di Borneo Utara dari tahun 1881 hingga 1963. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi seperti pendidikan, tinjauan kawasan misi, dan sakramen pembaptisan memainkan

peranan penting dalam menarik masyarakat peribumi kepada agama Kristian. Walaupun pendidikan terbukti menjadi alat yang paling berkesan, strategi-strategi lain turut memberikan sumbangan yang signifikan dalam konteks setempat. Bagaimanapun, kajian ini tidak terlepas dari beberapa batasan yang memerlukan perhatian lanjut. Kesukaran dalam mendapatkan maklumat daripada pemimpin gereja di kawasan pedalaman menambah cabaran kepada keutuhan data. Batasan-batasan ini berpotensi mempengaruhi kesahihan dalaman dan luaran kajian, sekali gus membuka ruang untuk persoalan mengenai ketepatan dan kebolehpercayaan hasil yang diperoleh. Untuk penyelidik pada masa depan, kajian mendalam tentang impak jangka panjang dakwah Kristianisasi terhadap budaya dan struktur sosial masyarakat peribumi boleh menjadi topik yang menarik. Selain itu, penyelidikan perbandingan antara pendekatan dakwah di Borneo Utara dan wilayah lain boleh memberikan perspektif baharu mengenai strategi mubaligh Kristian dalam pelbagai konteks.

RUJUKAN

- Clinson, M & Maureen D. S. (2020). Peranan Protestant Church in Sabah (PCS) dalam perkembangan sosial masyarakat Rungus 1952-1993 di Kudat, Sabah. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 5(1). <https://doi.org/10.51200/jba.v5i1.2850>
- Colonial Office Report. (1950). *Colonial Office Report 1950*. London: H.M.S.O. Diperoleh daripada <https://wellcomecollection.org/works/bf49exen>
- Diocese of Sabah. (1987). *Diocese of Sabah Silver Jubilee, 1962-1987*. Kota Kinabalu: Chin Chi Printing.
- Hwee, Y. T. (2013). *Pergilah Timur*, Trevor White. Selangor: Upstream Publishing.
- PCS Malaysia. (2023). Episode 1- Dokumentari Sejarah PCS 70 tahun, Youtube. Dipetik dari <https://www.youtube.com/watch?v=cpOYS-pcLbg> pada 1 Julai 2024.
- Elliot, P. (1997). *The Story of Trevor White and The Dusuns of Sabah*. Delia Wilson.
- Forschner, T. A. (1993). *History of the Protestant Church in Sabah, Malaysia*. Diperoleh daripada https://fliphtml5.com/tarzd/bcbp/History_of_the_Protestant_Church_in_Sabah/
- Izham Waidi. (2015). Orang British Berjiwa Dusun dalam *New Sabah Times*. 24 Julai.
- Laman Rasmi Gereja St. Michael Parish Penampang. *Journey of death*. Diperolehi daripada <https://www.stmichaelparishpenampang.com/our-history/journey-of-death/#startcontent>. Diakses pada 14 November 2024
- Lankina, T. V., & Getachew, L. (2013). Competitive religious entrepreneurs: Christian missionaries and female education in colonial and post-colonial India. *British Journal of Political Science*, 43(1). <https://doi.org/10.1017/S0007123412000178>
- Lees, S. (2013). *Mabuk sebelum fajar menyingsing*. Upstream Publishing. Diperoleh daripada https://www.academia.edu/126349597/Mabuk_Sebelum_Fajar
- Mat Zin Mat Kib. (1994). *Kristian di Sabah, 1881-1994*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohan, R. R. G. (2021). Probing into the missionaries' efforts towards women's education in Andhradesa during the British Raj. *International Journal of Creative Research Thoughts (IJCRT)*, 9(10). <https://ijcrt.org/papers/IJCRT2110236.pdf>
- Mohd. Nor bin Long. (1978). *Perkembangan pelajaran di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moser, A., & Korstjens, I. (2018). Series: Practical guidance to qualitative research. Part 3: Sampling, data collection and analysis. *European Journal of General Practice*, 24. <https://doi.org/10.1080/13814788.2017.1375091>
- Norsuhaila, S., & Asmiaty, A. (2019). Analisis kepercayaan etnik Kadazandusun Sabah dalam antologi Tangon. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 97–108.

- https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/104153/Analisis_Kepercayaan_an_Etnik_Kadazandusun_Sabah_dalam_Antologi_Tangon.pdf
- North Borneo Central Archive (NBCA) 316 - *Legislative Council Meeting to be held on the 15th August 1932*.
- Olatunbosun, K. O. (n.d.). *The long-term impact of Christian missionaries on human capital: Evidence from Nigeria* (Tesis Sarjana, University of Ottawa). Diperoleh daripada <https://ruor.uottawa.ca/bitstream/10393/30581/1/Olajutemu.Mrp.pdf>
- Oranga, J., & Ma-tere, A. (2023). Qualitative research: Essence, types and advantages. *Open Access Library Journal*, 10. <https://doi.org/10.4236/oalib.1111001>
- Peter Osingko Tanganau. 2012. Ringkasan Sejarah Awal Momogun Rungus Om Gorija PCS. Sabah: Gereja PCS Malaysia.
- Portal Rasmi Kadazandusun Cultural Association (KDCA). (n.d.). *Moginakan*. Diperoleh daripada <https://kdca.org.my/about/kadazandusun/moginakan>
- Pugh-Kitingan, J., & On, L. K. (2015). The impact of Christianity on traditional agricultural practices and beliefs among the Kimaragang of Sabah: Preliminary study. *Asian Ethnology*, 74(2). Diperoleh daripada <https://asianethnology.org/articles/155>
- Sarah Paddle. (2024). Modern missionary work and Chinese women's literacy: Amy Moore in China 1930-1949. *Women's History Review*, 33(5). <https://doi.org/10.1080/09612025.2023.2284978>
- Sempuruh, R. (1999). *Sejarah Gereja Sidang Injil Borneo*. Kuala Lumpur: Nipuhawang Publishing.
- Selvira Atika Situmorang, & Yanto Paulus Hermanto. (2022). Peran gereja dalam meningkatkan peran misi penginjilan jemaat. *Jurnal Teologi Kontekstual dan Pelayanan Kristiani*, 2(2). Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/publication/368224561_Peran_Gereja_dalam_Meningkatkan_Peran_Misi_Penginjilan_Jemaat
- Shaari, S. C., Kamil, I. S. M., Omar, M. A., Sulong, R. S., Pugh-Kitingan, J., Lunkapis, G., Sondoh Jr, S. L., & Noordin, R. (2022). Revisiting the definition of native of Sabah: A doctrinal study. *NeuroQuantology*, 20(12), 1856–1868. <https://doi.org/10.14704/NQ.2022.20.12.NQ77162>
- Singgih, E. G. (2000). Berteologi dalam Konteks. Yogyakarta: Kanisius, 83-84.
- Steven, K., Widya, I. M., & Riedel, S. G. D. (2023). Sakramen baptisan dan perjamuan kudus menurut John Calvin dan implikasinya terhadap pendidikan agama Kristen. *Journal of Christian Education*, 3(2). Diperoleh daripada https://www.academia.edu/106965812/Sakramen_Baptisan_dan_Perjamuan_Kudus_Menurut_John_Calvin_dan_Implikasinya_terhadap_Pendidikan_Agama_Kristen
- Supradnyana, I. G. (2018). Chosen to serve. *Jurnal Teologi*, 1(1). Diperoleh daripada https://www.academia.edu/45121956/Tentang_Kekristenan_dan_Sinkretisme
- Suraya, S. (2003). Penganutan agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Kadazan Dusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 18, 59–80. Diperoleh daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4088>
- Yong Chen Fah. (1987). A brief history of lay training. Dalam *Diocese of Sabah Silver Jubilee, 1962-1987*. Kota Kinabalu: Chin Chi Printing.
- Yusry Sulaiman & Bilcher Bala. (2020). Sejarah Peribumi Di Borneo Utara Semasa Zaman Kesultanan Brunei: Satu Kajian Literatur. *Jurnal Kinabalu*, 26(2), 131. <https://doi.org/10.51200/ejk.v26i2.2766>

TEMU BUAL

Missah Yabbis (2024) 29 Oktober, 2024, Kota Kinabalu, Sabah
Clarance Mongudal (2024) 10 Disember, 2024, Kota Belud, Sabah